

LAPORAN MAJLIS
PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA (PPM) SESI 2012/2014
Mesyuarat Agung Tahunan 2013

Tarikh : Isnin, 29 April 2013
Masa : 11:00 pagi
Tempat : Auditorium, Yayasan Kepimpinan Perdana
No. 1, Jalan P8H, Precint 8, Putrajaya

Kepada sekalian ahli PPM

Laporan ini merupakan sebahagian daripada laporan tahunan 2012/2013 yang keseluruhannya meliputi laporan majlis, laporan kewangan berakhir 31 Disember 2012 dan laporan jawatankuasa dan kumpulan.

ANGGOTA MAJLIS PPM

2. Senarai ahli majlis PPM bagi sesi 2012/2014 pada pemilihan 2012 terdiri daripada:

Pemegang jawatan yang dipilih:

<i>Presiden:</i>	Assoc. Prof. Dr. Mohd. Sharif Mohd. Saad
<i>Naib Presiden 1:</i>	Puan Maimunah Kadir
<i>Naib Presiden 2:</i>	Dr. Nor Edzan binti Che Nasir
<i>Setiausaha Kehormat:</i>	Puan Balqis Suja'
<i>Bendahari Kehormat:</i>	Cik Rohaya Umar
<i>Penolong Setiausaha Kehormat:</i>	Encik Kamal Sujak
<i>Penolong Bendahari Kehormat:</i>	Encik Azlan bin Mohamad Hamzah

Ahli majlis yang dipilih:

<i>Ahli majlis:</i>	Puan Hasnita Ibrahim
<i>Ahli majlis:</i>	Encik Mohd. Zaihan Hussin
<i>Ahli majlis:</i>	Dr. Zahidi bin Dato' Zainol Rashid

Ahli yang dilantik mengikut perlembagaan PPM:

Mantan Presiden Terakhir:	Dato' Raslin bin Abu Bakar
Ahli majlis:	Dr. Wan Ali bin Wan Mamat
Ahli majlis:	Puan Siti Sumaizan Ramli
Ahli majlis:	Puan Fatimah Syam @ Nor Azleen Abd. Ghani

LAPORAN KEAHLIAN DAN STATISTIK

3. Jumlah keseluruhan dan pertambahan bilangan anggota sehingga April 2013 adalah seperti berikut:

Kategori		2011	2012
1	Profesional <i>Professional (P)</i>	242	440
2	Seumur hidup <i>Life (L)</i>	40	41
3	Pelajar <i>Student (A)</i>	19	4
4	Seumur hidup kehormat <i>Honorary Life</i>	6	6
5	Institusi <i>Institutional member (I)</i>	25	11
6	Gabungan <i>Affiliate</i>	8	30
JUMLAH		340	532

4. Kad keahlian – Kad keahlian dibekalkan kepada ahli yang menjelaskan yuran semasa.
5. Nombor ahli PPM – Sebagai penambahbaikan dan meningkatkan integriti pangkalan data keahlian, struktur kod keahlian akan disemak semula bagi memudahkan pengenalan.

MESYUARAT MAJLIS

6. Majlis PPM 2012/2014 telah mengadakan mesyuaratnya sebanyak 8 kali mengikut bilangan, tarikh dan tempat berikut:
 - i. Kali pertama Bil. 4/2012 19 Mei 2012 (Sabtu) Pejabat PPM
 - ii. Kali ke-2 Bil. 5/2012 7 Julai 2012 (Sabtu) Pejabat PPM
 - iii. Kali ke-3 bil. 6/2012 15 September 2012 (Sabtu) Pejabat PPM
 - iv. Kali ke-4 Bil. 7/2012 3 Novemembr 2012 (Sabtu) Pejabat PPM
 - v. Kali ke-5 Bil. 8/2012 29 Disember 2012 (Sabtu) Pejabat PPM
 - vi. Kali ke-6 Bil. 1/2013 20 Januari 2013 (Ahad) Sri Intan Resort
 - vii. Kali ke-7 Bil. 2/2013 16 Februari 2013 (Sabtu) Pejabat PPM
 - viii. Kali ke-8 Bil. 3/2013 16 Mac 2013 (Sabtu) Pejabat PPM
 - ix. Kali ke-9 Bil. 4/2013 21 April 2013 (Ahad) Pejabat PPM

PERBINCANGAN

7. Perbincangan program dan aktiviti – Untuk melaksanakan keputusan-keputusan mesyuarat majlis, mesyuarat kecil dan perbincangan diadakan pada ketetapan berikut:

Bil.	Tarikh	Tempat	Perkara utama
1	27 Mei 2012 (Ahad)	PPM	Surat-surat perlantikan dan lawatan HKL
2	7 Jun 2012 (Khamis)	UM	Belanjawan, kursus internet dan lawatan HKL
3	16 Jun 2012 (Ahad)	PPM	Perancangan dan belanjawan
4.	30 Jun 2012 (Sabtu)	PPM	Kerja-kerja sekretariat dan penganjuran aktiviti
5.	15 Julai 2012 (Sabtu)	PPM	Gotong royong
6.	28 Ogos 2012 (Rabu)	PPM	Laporan KPPK
7.	9 Sept. 2012 (Ahad)	PPM	Kerja-kerja sekretariat bersama staff sambilan
8	14 Okt. 2012 (Ahad)	PPM	Penyerahan semula laporan ke ROS
9	11 Nov. 2012 (Ahad)	PPM	Brosur kursus dan aktiviti penerbitan
10	19 Nov. 2012 (Isnin)	PPM	Perbincangan bangunan / surat DBKL
11	26 Nov. 2012 (Jumaat)	UiTM	Pembentukan pasukan portal
12	1 Dis. 2012 (Sabtu)	PPM	Perancangan sanggar
13	18 Dis. 2012 (Selasa)	PPM	Meeting perancangan strategi dan pelaburan
14	22 Dis. 2012 (Sabtu)	PPM	Reaksi Pelan Pendidikan
15	13 Januari 2013 (Selasa)	PPM	Persiapan sanggar
16	2 Februari 2013 (Sabtu)	PPM	Perancangan AGM
17	9 Mac 2013 (Sabtu)	PPM	Notis AGM dan persiapan kursus
18	30 Mac 2013 (Sabtu)	PPM	Temuduga dan notis AGM
19	6 April 2013 (Sabtu)	PPM	Persiapan AGM bersama PLF

SANGGAR KERJA TAHUNAN

8. Sanggar Kerja Tahunan PPM 2013 – Program permukiman ini dilaksanakan pada 19-20 Januari 2013 (Sabtu-Ahad) di Sri Intan TM Resort di Port Dickson. Seramai 26 peserta terdiri daripada ahli majlis, pengerusi jawatankuasa, pengerusi kumpulan dan setiausaha masing-masing menghadirinya. Tiga orang mantan presiden telah menghadirkan diri atas jemputan PPM.

9. Program ini diisi dengan pembentangan:
 - i. Laporan dan perancangan Majlis PPM oleh Setiausaha
 - ii. Laporan dan perancangan jawatankuasa dan kumpulan oleh pengerusi
 - iii. Prosedur pelaksanaan aktiviti berasingan dan kerjasama oleh Naib Presiden 1
 - iv. Pematuhan prosedur kewangan oleh Bendahari
 - v. Penilaian Pelan strategik 2009-2013 dan penetapan kalendar PPM oleh Naib Presiden 2
 - vi. Pembentangan dan diskusi hala tuju PPM dan penstrukturan PPM oleh Presiden.

10. Laporan dan perancangan Jawatankuasa Tetap Perkhidmatan Perpustakaan Kepada golongan khas dan PPM Kumpulan Selatan diterima tanpa pembentangan. Pada keseluruhannya, program ini berjaya mencapai matlamatnya untuk memberi pendedahan dan orientasi terhadap gerak kerja PPM, meningkatkan penyelarasan pengurusan aktiviti dan projek, serta merancang pemantapan organisasi.

STRUKTUR PPM

11. Persatuan Pustakawan Malaysia adalah sebuah pertubuhan kebangsaan yang diwujudkan di bawah undang-undang persekutuan (mengikut Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335)) dan merupakan organisasi tunggal mewakili pustakawan Malaysia. PPM yang bernombor daftar 1434 (Selangor) bergerak mengikut objektif seperti dinyatakan dalam *Buku Panduan Persatuan Pustakawan Malaysia*, 1999, cetakan terakhir 2010.

12. Majlis PPM, dengan kuasa yang ada padanya telah menubuhkan jawatankuasa dan kumpulan, dengan ahlinya terdiri daripada ahli profesional atau ahli seumur hidup. Jawatankuasa dan kumpulan, serta pengerusinya yang dilantik adalah seperti berikut:
 - A. Jawatankuasa Tetap
 - i. Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Akademik: Encik Noor Hidayat bin Adnan
 - ii. Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Khusus: Puan Hasnita Ibrahim
 - iii. Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Awam: Puan Shukriah Haji Yon
 - iv. Jawatankuasa Tetap Perkhidmatan Perpustakaan Kepada Golongan Khas: Puan Habsah Abdul Rahman

- | | |
|--|-------------------------------|
| v. Jawatankuasa Tetap Penerbitan Berita PPM: | Puan Siti Sumaizan Ramli |
| vi. Jawatankuasa Tetap Penerbitan Jurnal PPM: | Dr. Nor Edzan Che Nasir |
| vii. Jawatankuasa Tetap Teknologi Maklumat: | Encik Azahar Mohd. Nor |
| viii. Jawatankuasa Tetap Promosi dan Keahlian: | Encik Mohd Zaihan Hussin |
|
 | |
| B. Jawatankuasa Khusus | |
| i. JK Kumpulan Perpustakaan Perubatan: | YM Engku Razifah Engku Chik |
| ii. JK Kumpulan Perpustakaan Undang-undang: | Puan Ratnawati Sari Mohd Amin |
| iii. Jawatankuasa Kumpulan Perpustakaan Islam: | Dr. Wan Ali Wan Mamat |
|
 | |
| C. Jawatankuasa Kecil dan Sementara | |
| i. Jawatankuasa Kecil Bangunan PPM: | En. Kamal Sujak |
| ii. Jawatankuasa Anugerah PPM: | Dr. Nor Edzan Che Nasir |
| iii. Jawatankuasa Kecil Pelaburan: | Cik Kalsom Sharif |
|
 | |
| D. Kumpulan PPM | |
| i. PPM Kumpulan Sabah: | Encik Zawawi Tiyunin |
| ii. PPM Kumpulan Sarawak: | Encik Japri Bujang Masli |
| iii. PPM Kumpulan Utara: | En. Salleh Hudin Mustaffa |
| iv. PPM Kumpulan Selatan: | Puan Noraziah Sharudin |
| v. PPM Kumpulan Timur: | Puan Rohani Othman |

SEKRETARIAT

13. Pengurusan PPM adalah di bawah kuasa Majlis sebagai badan pentadbir dan badan eksekutif PPM. Ahli Majlis PPM adalah seperti dinyatakan pada perkara 2. Pentadbiran, urusan keahlian dan operasi pejabat PPM disokong oleh seorang kakitangan, En. Meor Muhammad Khuzainy bin Meor Muhammad Nazri (2 May-30 Jun 2012) dan Cik Nurul Iqtiani Ahmad (3 September 2013-).

14. PPM berterima kasih kepada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang menyediakan satu ruang di tingkat bawah bangunan PPM sebagai pejabat PPM sejak tahun 1994.

PERATURAN-PERATURAN PPM

15. Jumlah peraturan-peraturan PPM kekal sebagai tiga seksyen:
 - i. Prosedur kewangan – semakan terakhir 20 Januari 2013
 - ii. Prosedur penganjuran aktiviti – semakan terakhir 20 Januari 2013
 - iii. Prosedur pendaftaran keahlian – semakan terakhir 20 Januari 2013

JALINAN HUBUNGAN DENGAN ORGANISASI KEBANGSAAN, SERANTAU DAN ANTARABANGSA

16. IFLA – PPM adalah ahli IFLA kategori *National Associations*. Secara automatik, PPM didaftarkan menganggotai *Management of Library Associations Section*, dan *Regional Activities Section (Asia & Oceania)*. Dengan kadar yuran EUR366, PPM layak menganggotai dua lagi seksyen secara percuma. PPM telah menamakan Prof. Madya Dr. Sharif Mohd. Saad untuk dicalonkan semula bagi penggal perkhidmatan kedua dalam pemilihan ahli Standing Committee Members for IFLA Sections (iaitu section 26, Asia-Oceania) penggal 2013-2017. Untuk makluman, PPM tidak menaja sebarang perbelanjaan beliau untuk menghadiri aktiviti IFLA.
17. Puan Rashidah Begum Fazal Muhammad merupakan *Advisor* kepada IFLA Asia & Oceania Section penggal 2009-2013.
18. CONSAL – PPM adalah anggota CONSAL, yang disertai sepuluh negara. Dalam mesyuarat ke-3 CONSAL XV Executive Board pada 28 Mei 2012 di Bali, Malaysia diwakili oleh Prof. Madya Dr. Mohd Sharif dan Dato' Raslin Abu Bakar. Dalam mesyuarat ini, Malaysia menyatakan bantahan berkenaan had umur calon "CONSAL Outstanding Librarian Award" yang diubah tanpa konsensus. Malaysia tidak menyertai pencalonan kerana calon yang dikenalpasti melalui pemilihan Tokoh Pustakawan Cemerlang PPM 2011 tidak layak dicalonkan kerana had umur telah melebihi 40 tahun.
19. Jemputan kepada PPM untuk mesyuarat pertama CONSAL XVI Executive Board pada 8-10 Mei 2013 di Bangkok akan dipenuhi oleh Naib Presiden I dan Setiausaha Kehormat.

WAKIL PPM DALAM LEMBAGA PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI

20. Berdasarkan peruntukan dalam enakmen perbadanan perpustakaan awam sesuatu negeri, PPM mempunyai wakil-wakilnya yang berikut:
- i. Melaka – Prof. Madya Dr. Mohd Sharif Mohd Saad (Presiden PPM)
 - ii. Negeri Sembilan – Dr. Wan Ali Wan Mamat (Ahli majlis PPM)
 - iii. Selangor – En. Kamal Sujak (Ahli majlis dan Penolong Setiausaha Kehormat PPM)
 - iv. Perak – Puan Rusliza Yaacob (Ketua Pustakawan UPSI)
 - v. Pulau Pinang – Puan Habsah Abdul Rahman (Mantan ahli majlis dan Pengurus JK Tetap Perkhidmatan Perpustakaan kepada Golongan Khas PPM)
 - vi. Kedah – Encik Salleh Hudin Mustaffa (Pengerusi PPM Kumpulan Utara)
 - vii. Perlis – Puan Mazmin Mat Akhir (Ahli jawatankuasa PPM Kumpulan Utara)
 - viii. Kelantan – Puan Engku Razifah Engku Chik (Pengerusi JK Kumpulan Perpustakaan Perubatan PPM)
 - ix. Terengganu – Puan Rohani Othman (Pengerusi PPM Kumpulan Timur)

WAKIL PPM DALAM INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DAN BADAN / AGENSI PENGAWALAN

21. PPM sentiasa bersedia untuk bekerjasama dalam proses pembangunan dan pengawalseliaan bidang kepustakawanan. Permintaan dan perlantikan untuk peranan langsung yang dipenuhi adalah seperti dinyatakan di bawah:
- i. Universiti Teknologi MARA. Fakulti Pengajian Maklumat – Puan Maimunah Kadir (Naib Presiden 1) dicalonkan sebagai ahli dalam JK Penasihat Kurikulum.

OBJEKTIF PPM DAN PELAN STRATEGIK 2009-2013

22. Pelan strategik PPM digubal mengikut tiga tonggak iaitu keanggotaan, profesion dan kemasyarakatan. Kerangka pelan perancangan ini mengandungi lapan teras strategi yang digariskan untuk membantu pencapaian objektif PPM melalui program, aktiviti dan tindakan. Keseluruhan kandungan dan status pelaksanaan Pelan Strategik PPM 2009-2013 dilampirkan / dimuatnaik bersama laporan ini.

AKTIVITI DAN PERANCANGAN OLEH MAJLIS

23. Berdasarkan hasrat menghasilkan pencapaian yang selaras dengan objektif PPM, Majlis PPM melaksanakan dan merancang aktiviti-aktiviti (selepas MAT 7 Mei 2012) mengikut program berikut:

A. Sokongan pandangan dan nasihat		
No.	Aktiviti / projek	Tarikh pelaksanaan
1	Library Statement on Trans-Pacific Partnership Agreement Negotiations – PPM mengambil pendirian menyokong bantahan terhadap TPPA yang tidak telus.	2-9 Julai 2012
2	Reaksi media berjudul “Pustakawan bina masyarakat bermaklumat”, Berita Harian (24 Julai 2012), bagi menjawab “Pustakawan Tidak Membaca”, Berita Harian 9 Julai 2012	Julai 2012
3	Pelan Pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025 – Satu maklum balas rasmi melalui surat kepada YB Menteri Pelajaran bagi mengetengahkan pandangan PPM mengenai literasi maklumat dan pusat sumber sekolah telah diutus.	27 Disember 2012
4	Reaksi akhbar Pelan Pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025 – “Literasi maklumat dalam pendidikan”, Berita Harian 10 Januari 2013. Inisiatif ini dibuat bagi memastikan pandangan PPM dapat dimaklumkan bukan saja kepada Kementerian Pelajaran Malaysia tetapi juga pihak-pihak berkepentingan dalam pendidikan dan kepustakawanan.	Januari 2013

B. Latihan dan kursus		
No.	Aktiviti / projek	Tarikh pelaksanaan
1	Pakej ke CONSAL XV di Bali (28-31 May 2012)	28 May-1 Jun 2012
2	Kursus Lanjutan Pembantu Perpustakaan/Pusat Maklumat	3-6 September 2012
3	Kursus Kemahiran Akses dan Penilaian Maklumat	16-17 Oktober 2012
4	Course on Basic Finance for Librarians	7 November 2012
5	Lawatan Penandaarasan ke Hong Kong	27-30 Januari 2013
6	Seminar Library Technology Update	19 Februari 2013
7	Creative & Critical Thinking Skills	19-20 Februari 2013
8	Kursus Asas Pembantu Perpustakaan / Pusat Maklumat	18-21 Mac 2013
8	Communication Excellence for Library & Information Services	3-4 April 2013
9	Pakej PPM ke London Book Fair	14-19 April 2013 (Dibatalkan)
Akan dianjurkan		
1	Cataloguing Colloquium (1) – Subject Access and Authority Control: Process and Experience	29-30 May 2013
2	Workshop on Advanced Internet Searching: Uses of Library and Internet in Research	3-4 July 2013
3	English for Library Officers	September 2013
4	Bengkel Sejarah Lisan 2013	16-17 Oktober 2013

C. Penerbitan tidak berkala		
No.	Aktiviti / projek dalam perancangan	Tarikh pelaksanaan
1	Prosiding Seminar Kebangsaan Perpustakaan Akademik 2011 (secara elektronik, di portal PPM)	Oktober 2012
2	Malaysian Who's Who in Librarianship: a PPM Members' Directory. Rancangan buku yang disediakan oleh Puan Balqis Suja' telah diterima oleh Majlis pada Mesyuarat Bil. 2/2013.	Jun 2013-Mac 2014
3	Gedenschrift (Terbitan peringatan) – Cadangan buku daripada ketua projek, YBhg. Dato' Zawiyah Baba telah diterima.	2013-2014

D. Pendidikan kemasyarakatan dan kebajikan komuniti		
No.	Aktiviti / projek	Tarikh pelaksanaan
1	Jamuan makan malam meraikan delegasi pustakawan dari Hong Kong Library Association (6-9 Jun 2012)	7 Jun 2012
2	Professional Lecture siri 1 oleh Mr. Peter Sidorko dari Hong Kong Library Association	8 Jun 2012
3	Literasi maklumat di Sekolah Menengah Dato' Manan untuk 6 buah sekolah di Tanjung Karang	2-4 November 2012
Dalam perancangan		
4	Program Korban di Cambodia – Project <i>outreach</i> ini	16-20 Oktober 2013

	<p>memilih Cambodia sebagai lokasi pertama kerana faktor logistik, keselamatan dan pengetahuan mengenai keadaan setempat. Kutipan derma wang ringgit dan sumbangan sejadah, telekung dan buku rujukan asas akan dibuat. Aktiviti sampingan yang dicadangkan termasuklah penyusunan dan ubah suai dalaman perpustakaan.</p>	
--	--	--

<p>E. Pengurusan organisasi dan hubungan keahlian</p>		
No.	Aktiviti / projek	Tarikh pelaksanaan
1	<p>Permohonan dana RM 318.000 dari Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan bagi aktiviti literasi maklumat, anugerah geran penyelidikan, penerbitan jurnal PPM dan perbelanjaan pengurusan PPM telah dipohon.</p>	27 Disember 2012
<p>Dalam perancangan</p>		
2	<p>Management Institute of Malaysia – Keputusan menjadi ahli korporat badan ini sudah dimuktamadkan untuk membuka peluang ahli menyertai latihan-latihan pengurusan dan faedah-faedah lain</p>	Mei 2013

Sekian.